Menteri Luar berkunjung bertemu warga U

Menteri Luar Malaysia, Dato’ Saifuddin Abdullah hadir bertemu dengan lebih 1,000 warga Universiti Malay
Mesra yang berlangsung di Dewan Astaka UMP Kampus Gambang pada 22 Oktober 2018 yang lalu.

Hadir dalam program Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim bersama pengurusan

Sambutan turut dimeriahkan dengan berlangsungnya Fiesta Makanan Antarabangsa anjuran mahasiswa
UMP.

Terdapat pelbagai juadah antarabangsa antaranya Algerian Baklava, Griwesh, Gribiya, Black & White
Mutton Masala (Bangladesh), Dumpling (China), Vegetarian Biriyani, Kholapuri Chicken & Chicken Soup
Naan, Salad (Pakistan), Kebab dan Mandy Khabsah (Yaman).

Menurut Profesor Dato’ Sri Dr. Daing Nasir, kunjungan buat pertama kalinya sejak dilantik sebagai Menter
kampus bertemu secara dekat dengan Datuk Saifuddin.

“UMP mempunyai lebih hampir 1,000 mahasiswa antarabangsa dengan lebih 30 negara termasuklah Y
Indonesia, Sudan, Tunisia dan lain-lain yang berada di kedua-dua kampus UMP di Gambang dan Pekan.

“Penganjuran fiesta ini adalah untuk mempamerkan juadah yang mempunyai cita rasa yang berbeza d
masing-masing.

“Selain itu, fiesta ini dapat mempromosikan agenda pengantarabangsaan yang mana komuniti UMP b
budaya di samping memperkayakan pengalaman pembelajaran dan menggalakkan integrasi antara kaum

Penyertaan komuniti luar UMP ini juga bakal memberi peluang mereka memperoleh pengalaman perkon
lebih dekat bersama komuniti antarabangsa UMP.

Secara tidak langsung ianya menjurus ke arah keharmonian bangsa dan meningkatkan perpaduan dalam k

Suasana persekitaran antarabangsa yang disemai melalui penganjuran program seperti ini juga memberi
tempatan dan antarabangsa.

Dalam program ini juga, Dato’ Saifuddin turut menyampaikan Portfolio Kementerian Luar Negeri mencaku
melalui faktor geografi, geopolitik, geoekonomi dan geodiplomatik negara.

PLPU UMP terima Ijazah Kehormat Pengurusan Pen

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dato’ Sri Ibrahim Ahmad yang juga
Rakyat (MARA) menerima Ijazah Kehormat Pengurusan Pendidikan sempena Majlis Konvokesyen Univers

Anugerah disampaikan Canselor USM, DYMM Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuank
pada sidang pertama 23 Oktober 2018 baru-baru ini.

Nama Dato’ Sri Ibrahim sememangnya tidak asing lagi dengan MARA dan kepimpinan beliau ini juga telah
lead-agency dalam meneroka, mengembangkan dan membangunkan modal insan yang komprehensif d
ada dan baharu.

Berpengalaman luas berkhidmat selama 38 tahun termasuklah menerajui MARA selama tujuh tahun (2
agensi pembangunan modal insan terkemuka dan terbilang.

Beliau juga banyak menyumbang jasa terhadap dunia pendidikan termasuklah pendidikan menengah be
Sains MARA (MRSM) dengan pelaksanaan program International General Certificate of Secondary School

Di peringkat Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), Dato' Sri Ibrahim turut menyumbang jasa dengan menyokon di Belgaum, India dengan menghantar para pelajar MARA melanjutkan pengajian dalam bidang perubatan.

Dato' Sri Ibrahim banyak membantu menjayakan Program Pembangunan Keusahawanan pelajar USM.

Ini termasuklah projek pembinaan bangunan pusat keusahawanan berhampiran Dewan Tuanku Syed melahirkan mahasiswa yang memiliki atribut keusahawanan dalam merealisasikan agenda HEBAT (Ho Thinking).

Turut membanggakan beliau pernah dikurniakan Profesor Adjung daripada Universiti Malaysia Terengganu Kedoktoran daripada Universiti Kuala Lumpur (UniKL) pada tahun 2017, Professor Adjung daripada Uni Ijazah Kehormat Kedoktoran daripada UNITAR International University pada tahun 2014.

Selain itu, beliau juga dilantik menjadi Pro-Canselor UniKL mulai tahun 2011 sehingga 2017 dan m
Corporation dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE).

“Semoga anugerah dan pengiktirafan ini dapat meningkatkan lagi semangat perjuangan Dato’ Sri unt
Malaysia dan kecemerlangan UMP,” kata Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Sri Dr. Daing Nasir Ibrah
universiti dalam majlis konvokesyen.

Dengan pengalaman luas beliau ini, UMP akan terus cemerlang seiring dengan merealisasikan hasrat un
berlandaskan daya saing kepakaran teknologi dan kejuruteraan selain menjadikan universiti ini sebagai un
nanti.

UMP tawar kursus bahasa Mandarin untuk in

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Alliance Stee
Sdn. Bhd. dalam usaha meningkatkan kemahiran kakitangan mereka dalam berbahasa Mandarin.

Kolaborasi ini juga bakal memanfaatkan mahasiswa universiti terhadap penempatan latihan industri dan pe

UMP diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim manakala Alliance Steel (M
Projek, Hu Jiu Lin dan ATOZ Solution Sdn. Bhd. oleh Pengurus Operasinya, Mohamad Fauzi Mohd Ja
Bankuet Canseleri Tun Abdul Razak UMP Pekan.

Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, UMP sebagai sebuah universiti teknologi yang terungg
kerjasama antara universiti dengan industri.

Ujarnya, UMP mencapai kecemerlangan apabila meraih cemerlang lima bintang dalam semua pen
Penyelidikan Malaysia (MyRA), Sistem Penarafan Universiti dan Kolej Universiti (SETARA), Penarafan P
Tinggi (MyMohes) dan Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan berdasarkan Indeks Akauntabiliti

Malahan diiktiraf sebagai universiti teknikal yang berkembang paling pantas serta berada di kedudukan
Rangking Asia yang diumum baru-baru ini.

Menurut Profesor Dato' Sri Dr. Daing, beliau berkeyakinan Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (ML
kursus Bahasa Mandarin untuk Industri yang bakal diadakan di Malaysia-China Kuantan Industri Park (MCI

Beliau juga berharap kerjasama strategik antara Universiti dengan Alliance Steel (M) Sdn. Bhd. yang bera
penyelidikan, latihan industri, peluang kerjaya dan lain-lain.

Manakala Hu Jiu Lin berkata, kerjasama antara industri dengan universiti ini sangat bermakna apatah la
bidang kejuruteraan Mekanikal dan ianya bersesuaian dengan operasi syarikatnya berkaitan besi dan kelul

Katanya, kursus untuk pekerja ini bertujuan meningkatkan komunikasi antara pekerja dan menggalakkan
bagi meningkatkan kebolehan dalam operasi industri serta dapat berkongsi kepakaran dalam bidang ini.

Manakala menurut Pengarah MLCC, Yong Ying Mei, kursus bahasa Mandarin bukan lagi terhad dalam p
melibatkan glosari dalam bidang industri besi dan keluli.

"Justeru, tenaga pengajar UMP akan mengarang sebuah buku bahasa Mandarin untuk kegunaan industri t
menguasai bahasa Mandarin secara berkesan dan melibatkan usahasama ATOZ bagi menjayakan kursus

---

UMP dan ACES perkukuh kerjasama dalam teknolog

Universiti Malaysia Pahang (UMP) jalin kerjasama dengan Pusat Kecemerlangan Asia bagi Teknologi Pir
bagi mengukuhkan kerjasama dalam bidang berkaitan Revolusi Industri (IR 4.0), teknologi pintar
pembangunan sumber manusia di Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan juga Asia Tenggara.

Majlis menyaksikan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mashitah Moh
Persefahaman (MoU) dengan Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai
Issace John pada 24 Oktober 2018 yang lalu di Kuala Lumpur.

Hadir menyaksikan majlis Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), I

Menurut Profesor Dato' Dr. Mashitah, kerjasama ini dapat memanfaatkan UMP dalam berkongsi kepaka
masa depan.

"Berdasarkan kerjasama ini beberapa projek akan dilaksanakan terutamanya berkaitan produk pengkome

latihan teknikal dan vokasional," ujarnya.

ACES merupakan pusat usaha sama antara ECERDC dan TUM International GmbH Jerman dalam m
industri serta universiti dalam meningkatkan kemahiran, latihan teknologi pintar dan perundingan terutam
dan automasi.

Bengkel penerbitan IPS tingkat kemahiran hasilkan jurna

Oleh: AHMAD ZARIF AHMAD FAUZI

Dalam meningkatkan kompentasi dan penerbitan dalam kalangan pelajar pascasiswazah, Institut Peng
Pahang (UMP) mengadakan Publication Training Workshop for Postgraduate yang berlangsung di Ban
pada 26 Oktober 2018 yang lalu.

Bengkel yang diadakan selama dua hari ini melibatkan penyertaan seramai 58 peserta. Bengkel ini b
peserta tentang bagaimana dan kaedah untuk menerbit kertas penyelidikan mereka di dalam mana-mana S

Para peserta juga diberi peluang untuk sesi individu bersama penceramah jemputan dalam membantu
mereka agar berpotensi untuk diterbitkan pada Scopus dan ataupun jurnal berimpak tinggi.

Dekan Institut Pengajian Siswazah, Profesor Dato' Dr. Hasnah Haron berkata, bengkel ini menggunakan
secara terus oleh penceramah jemputan.

“Ini termasuklah penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memantapkan gaya penulisan bagi kertas pen

“Selain itu, peserta juga didedahkan cara bagaimana untuk menerbitkan kertas penyelidikan di Scopus
langsung akan menggalakkan peserta untuk menerbitkan lebih banyak kertas penyelidikan berkualiti pa
kompetensi dan kualiti pelajar-pelajar pascasiswazah UMP,” katanya.

Bengkel ini dikendalikan oleh para penceramah jemputan yang tidak asing lagi dalam penerbitan Scopus
kluster Teknologi dan Sains Sosial iaitu Profesor Dr. Hazlina Ahmad dan Profesor T. Ramayah dari Pus
Malaysia (USM).

Manakala bagi kluster Kejuruteraan dan Sains, penceramah adalah Profesor Mustafizur daripada Fakult
Profesor Madya Dr. Cheng Chin Kui daripada Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), UMP.

Dalam pada itu, Profesor Dato' Dr. Hasnah mengharapkan para siswazah dapat memanfaatkan program
banyak kertas penyelidikan yang berimpak tinggi.

Alex rangkul Anugerah Olahragawan UM

Alex Tiong Sie Hung, mahasiswa Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA), Universiti Mala
sukan renang dengan meraih pingat emas bagi Kejohanan Sukan Institut Pendidikan Tinggi (SUKIPT
Olahragawan dalam Majlis Penghargaan Sukan UMP yang berlangsung di Sri Manja Boutique, Indera Ma
lalu.

Alex yang membawa pulang insentif kecemerlangan sebanyak RM 12,800 itu mengucapkan terima kasih
ini.

“Kejayaan ini memberikan inspirasi kepada saya untuk terus mencipta kecemerlangan,” katanya.

Beliau kini sedang membuat persiapan mewakili negara dalam acara renang di Asean University Game
nanti.

Olahragawati pula dimenangi oleh Nurul Hani Shafiza Hassan dari Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI

Beliau merupakan atlet memanah dan telah banyak memenangi pingat di MASUM dan juga SUKIPT.

Beliau juga pernah memenangi Anugerah Olahragawati Harapan pada tahun 2016.

Kedua-dua pemenang membawa pulang trofi, sijil penghargaan dan wang tunai.

Manakala bagi Pemenang Anugerah Olahragawan Harapan dimenangi oleh Muhammad Hafizudin M
manakala Anugerah Olahragawati Harapan pula telah dimenangi oleh Nur Nadhirah Ab Rasul yang merup

Majlis penyampaian hadiah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pr

Hadir sama Ketua Pegawai Operasi UMP, Abd Hamid Majid, Dekan Pembangunan Pelajar, Ts Dr. Moham
Kebuhayaan UMP, Abd Rahman Haji Safie.

Dalam majlis ini, Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin melahirkan ucapan tahniah kepada 35 atlet m
nama universiti dan negara dalam bidang sukan.

Ujarnya, universiti sebenarnya memerlukan mahasiswa yang berwibawa untuk menghadapi cabaran ke
akademik, penyelidikan dan sukan.

"Pihak pengurusan universiti telah membuat pelbagai program bagi menghasilkan mahasiswa yang berwib

"Saya yakin para atlet UMP mampu bangkit untuk berjaya di persada sukan di peringkat kebangsaan mah

"Menerusi bersukan juga atlet berpotensi untuk meningkatkan imej dan merangsang minda yang cerg
dalam membuat keputusan dengan baik," katanya.

Beliau turut mengharapkan agar penganugerahan ini dapat menjadikan sumber inspirasi dan memberikan

30 pelajar antarabangsa timba pengalaman hayati ke

Oleh: NORASHIKIN SULAIMAN, PEJABAT ANTARABANGSA

Seramai 30 orang pelajar antarabangsa Universiti Malaysia Pahang (UMP) dari Bangladesh, China, Eg
Somalia dan Yaman menyertai program kesukarelawanan sambil menimba pengalaman baharu melalui pe
Pahang.

Program anjuran Pejabat Antarabangsa UMP yang Love Nature ini telah diadakan pada 27 Oktober 2018 y

Pelajar telah dibawa menyusuri Sungai Cherating sambil menyaksikan keindahan pemandangan paya b
paya bakau di sepanjang sungai.

Perjalanan menyusuri Sungai Cherating tersebut dikendalikan oleh pihak Hafiz's Cherating Activities se
Kuala Sungai Cherating untuk aktiviti komuniti iaitu penanaman semula anak pokok paya bakau.

Pengarah Pejabat Antarabangsa, Dr. Nik Aloesnita Nik Mohd. Alwi berkata, program ini memberi pelua
samping menerapkan program pemuliharaan alam sekitar dengan menanam sebanyak 50 anak pokok
ekosistem.

"Selain itu mereka juga diberi penerangan tentang fungsi pokok ini yang disebabkan akarnya yang timbul b
berfungsi sebagai penambak laut bagi mengelakkan hakisan yang se¬me¬mangnya mampu menjadi ber
laut.

"Para pelajar turut dibawa mengenali spesis penyu yang terdapat di Malaysia melalui aktiviti lawatan ke Pu
diberikan pendedahan berkenaan kesedaran pemuliharaan penyu daripada diancam kepupusan," katanya.

Taklimat dan pengenalan aktiviti konservasi penyu di Rimbun Dahan dikelolakan Pak Su Cherating yang
Pahang dalam aktiviti konservasi Penyu.

Bagi meningkatkan populasi penyu dan menjaga habitat hidupan marin berkenaan para pelajar berpeluang
ke pantai tanda sokongan komuniti.

Dalam pada itu, seorang peserta, Abdelrahman Elsaid dari Egypt berkata, walaupun cuaca panas pada
merupakan kali pertama menyertai program sebegini dan berbangga kerana turut menyumbang dalam
aktiviti penanaman pokok paya bakau di sini.

"Selain itu pengalaman menyaksikan keindahan kelip-kelip di sepanjang Sungai Cherating ini pastinya
menamatkan pengajian nanti," katanya.

45 mahasiswa FKASA pupuk semangat cintakan a

Oleh: EMMA MELATI BURHANUDDIN, FKASA

Menyedari kepentingan penjagaan alam sekitar tanggungjawab bersama telah mendorong seramai 45 Sumber Alam (FKASA) termasuk dari luar negara berganding bahu menjayakan program khidmat komuniti 500 pokok bakau di Pantai Chendor Kuantan pada 27 Oktober 2018 yang lalu.

Menurut Dekan FKASA, Dr. Mohamad Idris Ali, menjaga alam sekitar menjadi tanggungjawab kita semua.

“Namun kurang kesedaran mengenai kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar membuatkan sendiri dengan membuang sampah di merata-rata tempat termasuk laut dan sungai.

“Ini mengakibatkan sungai dicemari pelbagai benda asing termasuk bahan kimia.

“Program ini dapat memberi pendedahan mahasiswa FKASA khususnya kepada mahasiswa antarabangs pantai,” katanya.

Tambah beliau lagi, aktiviti itu juga dapat membuka mata para sukarelawan untuk lebih memaham meningkatkan kesedaran terhadap bahaya pencemaran pantai.

“Selain daripada menanam pokok, aspek kebersihan juga perlu dititikberatkan kerana pembuangan plasti lain boleh mendatangkan bahaya kepada kehidupan laut terutama penyu yang menyangka plastik ini ad mereka,” ujarnya.

Beliau juga amat berpuas hati dengan kesungguhan sukarelawan menyumbang tenaga membersihkan par

Hadir sama Timbalan Dekan (Akademik & Hal Ehwal Pelajar), Noram Irwan Ramli dan Pengarah Program,

Bagi Dr. Doh, program bermula sesi penerangan berkenaan dengan pokok bakau dan ianya ditanam a barisan penghadang bagi menahan ombak atau arus deras seperti tsunami.

Mereka kemudiannya dibawa ke kawasan pantai sejauh 10 km dan mengumpulkan lebih 30 bungkusan sa

Sukarelawan turut berpeluang melepaskan 20 ekor anak penyu ke laut.

Penyu merupakan hidupan marin yang semakin diancam kepupusan dan bilangan yang mendarat di panta

- 154 views

View PDF

Newsletter Image

CREATE
e-newsletter

Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity
Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

